

## KEINDAHAN TAMAN REKREASI GUNUNG LANG

Oleh: Nur Amirah binti Murad, 1171079

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*Disiarkan pada 11 Ogos 2020*

Tenang dan mendamaikan. Itulah dua perkataan yang dapat diungkapkan sebaik sahaja tiba di Taman Rekreasi Gunung Lang, Ipoh, Perak.

Lokasi ini popular dalam kalangan pelancong dan sesuai dikunjungi bersama keluarga dan kanak-kanak.

Taman ini selalunya sesak pada waktu cuti persekolahan atau hujung minggu dengan kunjungan orang ramai.



*Penulis (dua dari kiri) merakamkan kenangan bersama rakan-rakan berlatar belakangkan pohon-pohon yang menghijau.*

Keunikan formasi batu kapur, tumbuhan yang menghijau serta air tasik yang membiru memukau sesiapa yang memandangnya.

Untuk meneroka Taman Rekreasi Gunung Lang di seberang tasik, kita perlu menaiki bot untuk perjalanan sejauh kira-kira 300 meter dari jeti dengan bayaran sebanyak RM3 untuk dewasa dan RM1.50 untuk kanak-kanak.

Di pintu masuk taman rekreasi ini, pengunjung berpeluang mengalami percikan air terjun buatan manusia yang tertinggi di Malaysia.

Cahaya matahari yang terik langsung tidak terasa kehangatannya kerana kami sangat teruja melihat keindahan air terjun itu.

Orang ramai boleh mengunjungi air terjun ini pada antara pukul 10 pagi hingga 12 tengah hari dan pukul 4 petang hingga 6 petang pada Isnin hingga Jumaat.

Pada hujung minggu dan hari kelepasan am, pengunjung boleh datang ke sini pada pukul 9 pagi hingga 11 pagi, pukul 1 tengah hari hingga 3 petang dan pukul 5 petang hingga 7 malam.



*Penulis (hujung kiri) bersama rakan-rakan bergambar di hadapan air terjun buatan sementara menanti ketibaan bot.*

Pengunjung juga boleh membeli makanan ikan yang berharga RM1 sepeket sebagai habuan untuk pelbagai jenis ikan seperti patin, keli, talapia dan lampam.

Bot yang akan membawa kami ke seberang tasik tiba di jeti pada pukul 8.30 pagi dan semua penumpang dikehendaki memakai jaket keselamatan.

Keindahan kawasan taman yang luas dan landskap yang indah memang memukau mata sesiapa yang memandang.

Laluan pejalan kaki yang direka khas menggunakan kayu di sepanjang tasik menambah keunikan taman rekreasi itu.

Dua buah menara tinjau yang dibina kukuh memudahkan pengunjung melihat keseluruhan panorama taman rekreasi itu.

Kami dapat melihat bunga raya, kekwa, ros dan orkid serta sebuah zoo mini yang menempatkan beberapa jenis haiwan seperti merak, burung unta, lembu, itik dan rusa.

Kami dihiburkan dengan kicauan burung-burung sambil melihat gelagat monyet berkeliaran meminta makanan daripada pengunjung.

Kami sangat teruja apabila melihat tiga buah rumah kayu tradisional Perak yang cantik dan beberapa unit gazebo yang sangat kukuh.

Kesemua struktur tersebut mempunyai pencahayaan yang baik serta dilengkapi dengan kipas untuk keselesaan pengunjung.

Kami juga berpeluang masuk ke dalam rumah untuk melihat dengan lebih dekat reka bentuk tradisional yang sangat rapi dan utuh.



Sehari di Taman Rekreasi Gunung Lang memang sangat menyenangkan dan sesiapa sahaja yang datang ke Ipoh sangat digalakkan untuk mengunjunginya.